

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KHAS**

---

---

**Khamis**

**26 Januari 2012**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PEMILIHAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman	2)
<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman	2)
<b>MENGALU-ALUKAN LANTIKAN SEMULA AHLI DAN LANTIKAN AHLI BARU</b>	(Halaman	3)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Kewangan I*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)

31. Yang Berhormat Tuan Lihan Jok (Sarawak)
32. “ Datuk Maglin a/l Dennis D’Cruz (Dilantik) - *Senator Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
34. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
35. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
36. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
37. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Sumber Manusia*
38. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
39. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
40. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
41. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
42. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
43. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
44. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
45. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
47. “ Dato’ Ng Fook Heng (Pahang)
48. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. “ Dato’ G. Palanivel (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
53. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
54. “ Puan Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah (Terengganu)
55. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
56. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
57. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
58. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
59. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
60. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)

61. Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
62. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
63. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
64. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
65. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
66. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
67. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
68. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Ali  
Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas

**MALAYSIA  
MESYUARAT KHAS  
DEWAN NEGARA**

**Khamis, 26 Januari 2012**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMILIHAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(1), Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekarang saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan usul memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi dipilih menjadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2),

saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi dipilih menjadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua memakai Jubah rasmi]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua mengangkat Sumpah Setia]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini.

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara hari ini.

#### **■1010**

Saya berharap Ahli Yang Berhormat sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara ini dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya semoga Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

### **MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang tersebut di bawah telah mengangkat sumpah, iaitu:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.
2. Yang Berhormat Puan Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah.

### **MENGALU-ALUKAN LANTIKAN SEMULA AHLI DAN LANTIKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan yang baru sahaja kita semua lihat sebentar tadi kepada terutama sekali kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan yang kedua Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah.

Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan diri saya dan berkongsi pendapat dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar kita semua hendaklah sentiasa berazam untuk memahami dan menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita semua lafazkan di Dewan yang mulia ini.

Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca, memahami dan mempraktikkan dengan bijak kedua perkara iaitu pertama Perlembagaan Negara dan kedua Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini. Setelah memahami, menghayati dan mempraktikkannya semasa berucap dan berbahas, tentu sekali akan memberi keyakinan dan seterusnya melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa serta dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang ini berada dalam keadaan dunia yang penuh mencabar dan juga penuh dengan segala keadaan yang berbeza. Saya ingin mengingatkan diri saya dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat, perlulah kita sentiasa menambah ilmu kita dan menyesuaikan diri kita dalam keadaan mengikut keadaan semasa khususnya di negara bertuah Malaysia ini yang mempunyai berbilang kaum, berbilang bangsa, agama dan di Dewan ini juga melambangkan komposisi rakyat Malaysia. Perlulah kita mempunyai ketaatsetiaan tanpa berbelah bahagi apabila dilantik sebagai Ahli Yang Berhormat, maka kita mestilah jangan lupakan bahawa tanggungjawab kita kepada bangsa dan negara bertuah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan juga bahawa sekarang ini kita perlu apabila berada di Dewan janganlah selalu bersikap emosi dan kita mestilah mempunyai satu sikap yang rasional melambangkan sebagai salah seorang Senator yang

dilantik dan untuk berikrar menjadikan Dewan yang mulia ini satu Dewan yang mempunyai maruah dan dihormati.

Maka kita hendaklah sentiasa menilai dan mengingatkan diri kita mesti mempunyai maruah, mempunyai kualiti dan kredibiliti kita untuk dapat dihormati oleh masyarakat.

Saya ingin mengingatkan diri saya juga bahawa diri kita perlulah mempertingkatkan, perlu kita memperkasakan, memartabatkan Dewan yang mulia ini supaya menjadi Dewan Negara yang cukup bermaruah, berintegriti, dihormati oleh masyarakat umum. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditentukan, akan ditetapkan kemudian hari akan datang. Sekian, terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10.18 pagi.***